

Sentral: Maksimum pertanian kurangkan import

ALOR GAJAH: Kerajaan negeri meminta penduduk menanam pokok buah-buahan serta sayur-sayuran di kawasan tanah masing-masing secara maksimum kerana ia mampu membantu mengurangkan hasil pertanian negara yang dianggarkan mencecah RM13 bilion setahun.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, selain menyahut program Bumi Hijau, sikap suka menanam membantu kerajaan menambah keluaran mangga Melaka Delight, buah Melaka, kelapa pandan serta misai kucing sebagai buah serta minuman rasmi negeri.

Beliau berkata, selain empat buah berkenaan, orang ramai digalakkan menanam lebih banyak pokok rambutan berikutan usaha terbaru kerajaan memasarkan produk yang ditinkan menggunakan jenama M-rambutan tidak lama lagi.

Sebuah syarikat sudah menyatakan persetujuan menghasilkan produk itu disamping produk jus timun dan limau.

“Kita juga akan menghasil dan mengkormesialkan air minuman buah timun serta limau nipis yang amat baik untuk kesihatan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Buah-buahan Tempatan (KBT) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Taboh Naning, di padang kompleks Japerun Taboh Naning, dekat sini.